



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Raja Nur Ain Afiza Raja Mahadi & Nurul Jamilah Rosly. (2026). Penilaian semantik model Chat-GPT dalam bahasa Melayu terhadap ketepatan makna dan kesesuaian konteks komunikasi. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 99-111. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.6>

PENILAIAN SEMANTIK MODEL CHATGPT DALAM BAHASA MELAYU TERHADAP KETEPATAN MAKNA DAN KESESUAIAN KONTEKS KOMUNIKASI

*(Semantics Evaluation of the ChatGPT Model in Malay:
Accuracy of Meaning and Appropriateness in Communicative Contexts)*

¹Raja Nur Ain Afiza Raja Mahadi & Nurul Jamilah Rosly
Kulliyyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages,
International Islamic University Malaysia, Pagoh Edu Hub, Johor, Malaysia

¹Corresponding author: ainafiza03@gmail.com

Received: 14/2/2026

Revised: 4/5/2026

Accepted: 5/5/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, penggunaan model seperti *ChatGPT* telah meningkat secara mendadak dalam pelbagai bidang akademik, pendidikan dan profesional, menjadikannya alat utama dalam pencarian maklumat dan penyelesaian tugas. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap ketepatan makna berdasarkan respons semantik dalam *ChatGPT* dan menilai persepsi pengguna mengenai kesesuaian konteks komunikasi sebenar dalam *ChatGPT*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif, melibatkan dua kaedah utama, iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini juga menggunakan Teori Relevans oleh Sperber & Wilson (1986) dan *Technology Acceptance Model* (TAM) oleh Davis (1989). Bagi objektif pertama, analisis dilakukan terhadap 20 perkataan yang dikategorikan kepada perkataan abstrak, dialek, konkrit dan kata kerja. Dapatan menunjukkan bahawa *ChatGPT* lebih tepat dalam mentafsir perkataan abstrak dan dialek. *ChatGPT* mentafsir makna kata kerja berdasarkan konteks penggunaan semasa yang lebih dominan dalam wacana akademik dan komunikasi moden. Dapatan juga menunjukkan bahawa pengguna secara umumnya menilai *ChatGPT* sebagai mudah digunakan dan sesuai untuk tujuan pembelajaran, selaras dengan konstruk *Perceived Ease of Use* (PEOU) dalam *Technology Acceptance Model* (TAM). Hampir keseluruhan pengguna *ChatGPT* bersetuju bahawa *ChatGPT* membantu untuk mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dengan nilai sisihan piawai 0.57, manakala skor sisihan piawai tertinggi dengan nilai 0.93 menunjukkan pengguna kurang bersetuju bahawa jawapan *ChatGPT* biasanya relevan dan tidak menyimpang daripada topik. Secara keseluruhan, kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman tentang potensi dan batasan *ChatGPT* dalam penggunaan bahasa Melayu serta memberi implikasi terhadap bidang linguistik, pendidikan dan teknologi bahasa.

Kata kunci: Semantik, ChatGPT, Bahasa Melayu, ketepatan, kesesuaian.

ABSTRACT

In recent years, the use of models such as ChatGPT has increased significantly across academic, educational, and professional fields, making it a primary tool for information retrieval and task completion. This study aims to identify the level of semantic meaning accuracy based on ChatGPT's responses and to examine users' perceptions of the appropriateness of ChatGPT's responses within real communication contexts. This study adopts a descriptive research design and employs two main methods, namely qualitative and quantitative. The study is also grounded in Relevance Theory by Sperber and Wilson (1986) and the Technology Acceptance Model (TAM) by Davis (1989). For the first objective, an analysis was conducted on 20 words categorized into abstract words, dialectal words, concrete words, and verbs. The findings indicate that ChatGPT demonstrates higher accuracy in interpreting abstract and dialectal words. ChatGPT interprets verb meanings based on contemporary usage contexts that are more dominant in academic discourse and modern communication. The findings also show that users generally perceive ChatGPT as easy to use and suitable for learning purposes, in line with the Perceived Ease of Use (PEOU) construct in the Technology Acceptance Model (TAM). Nearly all ChatGPT users agreed that ChatGPT helps users obtain information more quickly, with a standard deviation value of 0.57, while the highest standard deviation score of 0.93 indicates lower agreement among users regarding whether ChatGPT's responses are usually relevant and remain focused on the topic. Overall, this study contributes to a deeper understanding of the potential and limitations of ChatGPT in the use of the Malay language and provides implications for the fields of linguistics, education, and language technology.

Keywords: Semantic, ChatGPT, Malay language, accuracy, appropriateness.

PENDAHULUAN

Dalam era Revolusi Industri 4.0, perkembangan teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*, AI), khususnya model bahasa besar atau *Large Language Models* (LLM) seperti *ChatGPT*, telah membawa transformasi signifikan terhadap cara manusia berinteraksi, berkomunikasi dan mengakses maklumat. Keupayaan *ChatGPT* menjana teks yang menyerupai bahasa manusia dalam pelbagai bahasa, termasuk bahasa Melayu (Liang et al., 2025), memperlihatkan potensi besar penggunaannya dalam bidang pendidikan dan linguistik. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu memiliki ciri morfologi, sintaksis dan semantik yang tersendiri, sekali gus menimbulkan persoalan tentang tahap pemahaman sebenar sistem AI terhadap makna bahasa tersebut. Meskipun *ChatGPT* berupaya menghasilkan ayat yang gramatis dan tersusun, isu berkaitan ketepatan makna serta kesesuaian konteks masih menjadi perbincangan utama dalam penggunaannya.

Sorotan kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan *ChatGPT* dalam konteks bahasa Melayu masih berada pada tahap sederhana dari segi kualiti maklumat dan tahap kepuasan pengguna. Kajian oleh Nomoto et al., (2024) melaporkan bahawa *ChatGPT* cenderung menghasilkan respons dalam bahasa Indonesia walaupun soalan dikemukakan dalam bahasa Melayu, sekali gus memperlihatkan wujudnya kekeliruan linguistik antara kedua-dua bahasa serumpun tersebut. Situasi ini menjadi lebih kompleks apabila bahasa Melayu dikategorikan sebagai bahasa sumber rendah (*low-resource language*) dalam bidang pemprosesan bahasa semula jadi, khususnya dari segi ketersediaan data semantik beranotasi (Jumadi et al., 2024). Kekurangan sumber ini menyebabkan sistem AI menghasilkan teks yang tepat dari sudut tatabahasa, tetapi kurang menyerlah dari aspek makna tersirat dan kepekaan terhadap konteks budaya.

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi menilai keupayaan *ChatGPT* dalam mentafsir makna bahasa Melayu berdasarkan perspektif semantik. Secara khusus, kajian ini menetapkan dua objektif utama, iaitu menilai tahap ketepatan makna bahasa Melayu yang dijana oleh *ChatGPT* dari sudut semantik, dan menilai persepsi pengguna terhadap kesesuaian respons *ChatGPT* dalam konteks komunikasi sebenar. Penetapan

objektif ini bertujuan menentukan sama ada teknologi AI bukan sekadar mampu menghasilkan teks yang gramatis, malah berupaya memahami dan mengaplikasikan hubungan makna seperti konotasi, makna tersirat, sinonim serta unsur konteks budaya tempatan secara tepat.

Berdasarkan objektif tersebut, kajian ini memberi fokus kepada dua persoalan utama, iaitu sejauh mana respons *ChatGPT* menepati aspek semantik apabila menjawab soalan dalam bahasa Melayu, dan sama ada jawapan yang dijana benar-benar sesuai dengan konteks komunikasi sebenar pengguna bahasa Melayu. Persoalan ini dirangka berasaskan kebimbangan bahawa penggunaan AI secara meluas tanpa penekanan terhadap ketepatan makna berpotensi menjejaskan kefahaman, proses pembelajaran serta komunikasi harian, khususnya dalam bahasa Melayu yang kaya dengan peribahasa, makna kiasan dan nilai budaya setempat.

SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan serta mengulas secara kritis sorotan literatur daripada kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penggunaan *ChatGPT* dan kecerdasan buatan dalam konteks bahasa Melayu. Perbincangan ini disusun bagi menyokong setiap objektif yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Penekanan diberikan kepada penilaian kritis terhadap dapatan dan hujah pengkaji terdahulu bagi memastikan setiap objektif kajian disandarkan pada bukti yang kukuh dan relevan. Sehubungan itu, rujukan terhadap kajian lepas dilakukan bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh serta memperkukuh asas konseptual dan empirikal kajian yang dijalankan.

Kajian oleh Rahim et al. (2023) meneliti persepsi pelajar terhadap penggunaan *ChatGPT* sebagai alat pembelajaran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun *ChatGPT* memudahkan proses penulisan dan latihan bahasa, pengguna sering berhadapan dengan isu ketidaktepatan makna serta penggunaan gaya bahasa yang terlalu formal. Responden turut melaporkan bahawa sistem tersebut kurang memahami nuansa budaya tempatan dan perbezaan gaya pertuturan formal dan tidak formal dalam bahasa Melayu. Penemuan ini memperlihatkan bahawa penilaian terhadap teknologi AI tidak seharusnya terhad kepada aspek ketepatan linguistik semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira kesesuaian konteks penggunaan agar respons yang dihasilkan lebih autentik dan sejajar dengan norma komunikasi masyarakat setempat.

Seterusnya, kajian oleh Jumadi et al. (2024) bertajuk “Potensi dan Cabaran Kecerdasan Buatan (AI) dalam Bidang Bahasa Melayu” membincangkan potensi AI dalam memperkaya dan memperluas penggunaan bahasa Melayu serta mengenal pasti cabaran yang menghalang integrasinya dalam bidang tersebut. Kajian ini mendapati bahawa penggunaan AI dalam pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) berdepan cabaran utama dari sudut semantik, khususnya dalam aspek pengenalanpastian makna, morfologi dan struktur sintaksis bahasa Melayu yang kompleks. Walaupun model seperti *ChatGPT* berpotensi meningkatkan kecekapan komunikasi digital, dapatan menunjukkan bahawa pengoptimuman masih diperlukan bagi memastikan ketepatan makna dalam interaksi yang melibatkan konteks pengguna tempatan. Kajian ini memberikan asas yang signifikan kepada penyelidikan ini kerana menegaskan bahawa kelancaran teks yang dijana tidak semestinya mencerminkan ketepatan semantik, terutamanya apabila dibandingkan dengan prestasi model dalam bahasa dominan seperti bahasa Inggeris.

Selain itu, Yaakub (2024) dalam kajiannya berkaitan kesepadanan semantik dalam penterjemahan istilah Islam ke dalam bahasa Melayu menekankan bahawa ketepatan makna perlu disertai dengan kesesuaian konteks budaya dan agama. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pemahaman makna secara literal tanpa mengambil kira latar sosio budaya boleh mengakibatkan salah tafsir yang signifikan terhadap mesej asal.

Walaupun fokus kajian berkenaan adalah dalam bidang penterjemahan, prinsip kesepadanan semantik yang diketengahkan amat relevan dalam menilai kesesuaian respons yang dijana oleh *ChatGPT*. Hal ini demikian kerana model bahasa seperti *ChatGPT* cenderung menghasilkan padanan literal yang mungkin tepat dari segi struktur bahasa, namun kurang sesuai apabila diteliti dalam konteks komunikasi budaya Melayu.

Secara keseluruhannya, penggunaan *ChatGPT* dan teknologi kecerdasan buatan dalam konteks bahasa Melayu memperlihatkan potensi yang besar dalam menyokong pembelajaran, penulisan dan komunikasi digital. Namun demikian, kajian-kajian terdahulu secara konsisten menegaskan bahawa ketepatan semantik, kesesuaian konteks budaya serta kepekaan terhadap norma bahasa tempatan masih menjadi cabaran utama. Walaupun *ChatGPT* mampu menghasilkan teks yang lancar dan gramatis, model ini masih terdedah kepada isu ketidakselarasan makna, penggunaan gaya bahasa yang terlalu formal serta kekurangan kepekaan terhadap nuansa sosio budaya Melayu. Oleh itu, sorotan literatur ini bukan sahaja menyokong keperluan untuk menilai keberkesanan penggunaan *ChatGPT* dalam bahasa Melayu, malah menegaskan kepentingan penelitian yang lebih mendalam terhadap aspek kesepadanan semantik dan kesesuaian konteks respons yang dihasilkan. Bahagian ini seterusnya menyediakan landasan teori dan empirikal yang kukuh sebagai asas kepada perincian metodologi dan analisis kajian dalam bahagian berikutnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dengan mengaplikasikan dua pendekatan utama, iaitu analisis dokumen secara kualitatif bagi mencapai objektif pertama dan soal selidik kuantitatif deskriptif bagi objektif kedua. Analisis dokumen dilaksanakan untuk meneliti elemen semantik dalam respons *ChatGPT* dengan memberi tumpuan kepada aspek ketepatan makna. Pendekatan ini membolehkan penyelidik melakukan penilaian secara mendalam terhadap kandungan teks yang dijana. Bagi objektif kedua pula, kaedah soal selidik digunakan untuk mengumpul data berkaitan kesesuaian konteks komunikasi sebenar dalam penggunaan *ChatGPT* melalui borang *Google Forms*. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan pengiraan kekerapan dan peratusan. Pemilihan reka bentuk gabungan ini adalah bertepatan dengan keperluan kajian yang menilai kedua-dua aspek, iaitu kualiti maklumat yang dijana oleh sistem dan pengalaman pengguna.

Populasi kajian melibatkan pengguna *ChatGPT* di Malaysia yang berinteraksi menggunakan bahasa Melayu. Memandangkan kajian ini memfokuskan penggunaan bahasa Melayu dalam sistem tersebut, kaedah pensampelan bertujuan digunakan, iaitu hanya individu yang mempunyai pengalaman menggunakan *ChatGPT* dalam bahasa Melayu dipilih sebagai responden. Kaedah ini sesuai bagi memastikan maklum balas yang diperoleh adalah daripada pengguna yang benar-benar mempunyai pengalaman langsung dengan sistem tersebut. Saiz sampel bagi kajian tinjauan disasarkan seramai 30 orang responden. Bagi analisis kandungan pula, sampel terdiri daripada respons *ChatGPT* terhadap 20 perkataan bahasa Melayu yang dibina oleh penyelidik.

Dua instrumen berbeza digunakan selaras dengan objektif kajian. Bagi objektif pertama, instrumen kajian melibatkan 20 perkataan bahasa Melayu yang disahkan kewujudannya melalui Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka. Senarai perkataan dipilih berdasarkan empat kategori, iaitu perkataan abstrak, dialek, perkataan konkrit dan kata kerja. Pemilihan dibuat secara bertujuan bagi memastikan kepelbagaian jenis makna yang sesuai untuk dianalisis dari sudut semantik. Bagi setiap perkataan, penyelidik mengemukakan soalan dalam format standard yang sama kepada *ChatGPT*, iaitu “Apakah maksud [perkataan] dalam bahasa Melayu?”. Setiap jawapan direkodkan secara sistematik. Definisi rasmi bagi setiap perkataan kemudiannya diperolehi daripada portal PRPM untuk tujuan perbandingan.

Kedua-dua set makna, iaitu respons *ChatGPT* dan definisi PRPM, dibandingkan menggunakan analisis dokumen dengan memberi fokus kepada ketepatan semantik. Instrumen perbandingan ini disusun dalam bentuk Jadual Analisis Semantik yang menjadi asas utama penganalisan data bagi objektif pertama.

Bagi objektif kedua, instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik *Google Forms* yang dibangunkan berasaskan *Technology Acceptance Model* (TAM) oleh Fred Davis. Soalan merangkumi konstruk *Perceived Usefulness* (PU), iaitu persepsi kebolegunaan, dan *Perceived Ease of Use* (PEOU), iaitu tahap kemudahan penggunaan yang menyumbang kepada kepuasan pengguna. Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian, iaitu demografi responden, Persepsi Kebolegunaan (PU), kesesuaian jawapan dan Tahap Kepuasan Pengguna (PEOU). Setiap item diukur menggunakan skala Likert lima mata bagi menilai tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang dikemukakan.

Proses pengumpulan data dijalankan melalui dua kaedah yang berasingan. Bagi objektif pertama, penyelidik menyediakan set soalan bahasa Melayu dan mengemukakan kepada *ChatGPT* dalam sesi yang sama bagi memastikan konsistensi respons. Setiap jawapan direkodkan dan disusun dalam dokumen analisis untuk tujuan penandaan kategori semantik sebelum dianalisis secara manual menggunakan kaedah analisis dokumen. Bagi objektif kedua pula, borang soal selidik diedarkan secara dalam talian melalui platform seperti *WhatsApp* dan *Telegram* bagi memudahkan capaian responden. Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang paksaan. *Google Forms* digunakan untuk menyimpan, mengumpul dan merumuskan data secara automatik sebelum dianalisis.

Data dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif. Bagi objektif pertama, setiap respons ditandakan berdasarkan kategori semantik yang telah ditentukan. Penilaian tahap ketepatan makna dilakukan menggunakan Jadual Analisis Semantik yang mengandungi lima lajur utama, iaitu nombor, perkataan, definisi *ChatGPT*, definisi PRPM dan tahap ketepatan. Tahap ketepatan diklasifikasikan kepada tiga aras, iaitu tepat, sederhana dan tidak tepat. Penilaian ini dirumuskan dalam bentuk huraian kualitatif yang disokong oleh Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson. Bagi objektif kedua, data dianalisis secara deskriptif berdasarkan peratusan dan kekerapan bagi setiap item soal selidik. Selain itu, nilai min dikira menggunakan formula $\text{min} = \sum \frac{(f \times x)}{N}$ dan sisihan piawai $= \frac{\sqrt{\sum f(x-\mu)^2}}{N-1}$ bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap persepsi dan kepuasan pengguna terhadap kegunaan, kemudahan penggunaan serta kesesuaian respons *ChatGPT*.

Kajian ini berlandaskan satu teori dan satu model utama, iaitu Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) serta *Technology Acceptance Model* (TAM) oleh Davis (1989). Gabungan kedua-dua kerangka ini menyediakan asas teori yang komprehensif. Teori Relevans menyokong analisis terhadap kualiti maklumat berdasarkan ketepatan dan kesesuaian semantik, manakala TAM membolehkan penilaian terhadap penerimaan dan kepuasan pengguna berdasarkan persepsi kegunaan serta kemudahan penggunaan sistem. Integrasi kedua-dua pendekatan ini memastikan kajian dapat dianalisis secara menyeluruh, merangkumi dimensi kualiti maklumat yang dijana dan pengalaman pengguna dalam konteks komunikasi bahasa Melayu.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh, data menunjukkan terdapat perbezaan makna dari *ChatGPT* dan juga Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) DBP. Namun, bukan semua makna perkataan berbeza, terdapat jugak makna yang sama dari kedua-dua sumber ini. Data bagi borang soal selidik *Google Forms* juga menunjukkan bahawa bukan semua responden bersetuju dengan kesesuaian konteks komunikasi sebenar dalam *ChatGPT*.

Jadual 1

Analisis Semantik (Abstrak)

Perkataan	<i>ChatGPT</i>	PRPM	Tahap Ketepatan (Tepat/ Sederhana/ Tidak Tepat)
Integriti	Sifat jujur, berpegang teguh pada prinsip moral dan etika, serta konsisten antara kata- kata dan perbuatan walaupun tanpa pengawasan	Kejujuran, keadaan sempurna dan utuh	Tepat
Etika	Prinsip atau nilai moral yang menjadi panduan tingkah laku seseorang atau sesuatu kumpulan	Ilmu berkaitan prinsip- prinsip akhlak atau moral, nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan	Tepat

Berdasarkan analisis perbandingan antara respons *ChatGPT* dan takrifan dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) DBP, perkataan abstrak yang diuji, iaitu integriti dan etika, telah ditafsirkan dengan tepat. Definisi yang diberikan oleh *ChatGPT* mengekalkan inti makna konseptual yang berkaitan dengan nilai, emosi dan prinsip sosial, tanpa menyimpang daripada maksud asal. Hal ini menunjukkan bahawa *ChatGPT* mempunyai keupayaan yang baik dalam memproses makna abstrak yang tidak dapat dirujuk secara fizikal tetapi bergantung kepada kefahaman konseptual dan kognitif pengguna. Kejelasan makna yang diberikan turut membantu pengguna memahami konsep tersebut dalam konteks akademik dan umum. Dari sudut Teori Relevans, dapatan ini mencerminkan prinsip relevans optimum, iaitu maklumat yang disampaikan menghasilkan kesan kognitif yang tinggi dengan usaha pemprosesan yang minimum. Makna perkataan abstrak yang diuraikan oleh *ChatGPT* mudah difahami tanpa memerlukan inferens tambahan atau rujukan luar. Keadaan ini menunjukkan bahawa *ChatGPT* berjaya memilih input linguistik yang paling relevan dengan konteks pertanyaan dan menyokong kefahaman pengguna secara efektif. Oleh itu, keupayaan *ChatGPT* mentafsir perkataan abstrak dengan tepat memperlihatkan potensi penggunaannya sebagai alat sokongan dalam pembelajaran dan rujukan bahasa Melayu.

Jadual 2

Analisis Semantik (Dialek)

Perkataan	<i>ChatGPT</i>	PRPM	Tahap Ketepatan (Tepat/ Sederhana/ Tidak Tepat)
Depa	Kata ganti nama diri ketiga dalam dialek utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang) yang bermaksud mereka	Mereka semua, dema	Tepat
Hang	Kata ganti nama diri kedua dalam dialek utara (Kedah, Perlis, Pulau Pinang) yang bermaksud awak atau kamu	Awak, Engkau (untuk yang sama taraf)	Tepat

Analisis terhadap perkataan dialek mendapati bahawa *ChatGPT* memberikan tafsiran yang tepat bagi perkataan dialek yang diuji, iaitu *depa* dan *hang*. Tafsiran ini merangkumi fungsi kata ganti diri serta rujukan individu atau kumpulan dengan betul, selaras dengan penggunaan dialek dalam konteks sebenar. Keupayaan *ChatGPT* mengenal pasti variasi dialek menunjukkan bahawa sistem ini bukan sahaja bergantung kepada bahasa Melayu standard, malah mampu menyesuaikan makna berdasarkan kepelbagaian linguistik dan budaya tempatan. Malah, jawapan yang diberikan oleh *ChatGPT* lebih tepat dengan menyenaraikan negeri yang menggunakan perkataan dialek tersebut. Hal ini penting kerana dialek sering menimbulkan kekeliruan makna apabila ditafsirkan di luar konteks geografi dan sosial. Berdasarkan Teori Relevans, keupayaan ini menunjukkan bahawa *ChatGPT* dapat menggunakan konteks linguistik untuk menafsir makna yang paling relevan kepada pengguna. Tafsiran dialek yang tepat membantu mengurangkan usaha pemprosesan pengguna dalam memahami maksud sebenar perkataan tersebut. Dengan kata lain, *ChatGPT* berjaya menghubungkan bentuk bahasa tidak standard dengan makna yang tepat, sekali gus menghasilkan kesan kognitif yang optimum. Dapatan ini membuktikan bahawa *ChatGPT* berpotensi menjadi medium sokongan dalam memahami kepelbagaian dialek bahasa Melayu, khususnya dalam konteks komunikasi tidak formal dan kajian linguistik.

Jadual 3

Analisis Semantik (Konkrit)

Perkataan	<i>ChatGPT</i>	PRPM	Tahap Ketepatan (Tepat/ Sederhana/ Tidak Tepat)
Sungai	Aliran air semula jadi yang mengalir secara berterusan dari kawasan tinggi ke kawasan rendah, biasanya menuju ke laut, tasik atau sungai lain	Tali air yang semula jadi, batang air, cabang dari sungai yang besar, sungai kecil	Tepat
Perahu	Kenderaan air kecil yang digunakan untuk bergerak di sungai, tasik atau laut, biasanya digerakkan menggunakan dayung, layar atau enjin kecil	Kenaikan daripada kayu dll di air dan biasanya tidak mempunyai geladak, sampan besar	Sederhana

Bagi kumpulan perkataan konkrit, dapatan kajian menunjukkan bahawa *ChatGPT* berjaya memberikan takrifan yang tepat bagi perkataan sungai. Perkataan ini merujuk kepada entiti fizikal yang jelas dan mudah divisualisasikan, justeru tafsiran yang diberikan selari dengan makna dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) DBP. Walau bagaimanapun, bagi perkataan perahu, tahap ketepatan didapati berada pada tahap sederhana. Definisi *ChatGPT* adalah betul dari segi makna umum, namun kurang menepati perincian semantik yang dinyatakan dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) DBP, terutamanya dari aspek ciri fizikal dan klasifikasi tradisional. Dari perspektif Teori Relevans, situasi ini menunjukkan kecenderungan *ChatGPT* untuk memberi respons yang meminimumkan usaha memproses maklumat, mengutamakan makna yang paling mudah difahami oleh pengguna umum berbanding makna yang lebih khusus dan teknikal. Tafsiran sedemikian membolehkan pengguna memahami konsep asas dengan cepat, namun pada masa yang sama mengurangkan ketepatan semantik yang lebih mendalam. Hal ini menunjukkan bahawa relevans dalam konteks *ChatGPT* sering dicapai melalui penyederhanaan makna, selaras dengan prinsip bahawa maklumat yang relevan tidak semestinya paling tepat secara leksikal, tetapi yang paling berguna dari sudut kognitif.

Jadual 4

Analisis Semantik (Kata Kerja)

Perkataan	<i>ChatGPT</i>	PRPM	Tahap Ketepatan (Tepat/ Sederhana/ Tidak Tepat)
Menghuraikan	Menjelaskan sesuatu perkara secara terperinci dan jelas, biasanya dengan memberi penerangan, contoh atau sebab supaya mudah difahami	Membuka simpul atau ikatan, memisahkan bahagian-bahagian sesuatu untuk menjelaskannya, membentangkan dan menerangkan	Sederhana
Menganggar	Membuat kiraan, penilaian atau taksiran secara kasar berdasarkan maklumat yang ada, tanpa pengiraan yang tepat. Meneka secara berasas atau membuat anggaran awal	Mengira secara kasar sahaja, memperhitungkan (belanja, biaya, dll) secara kasar.	Tepat

Analisis terhadap kata kerja menunjukkan bahawa perkataan yang diuji, iaitu menganggar, ditafsirkan dengan tepat oleh *ChatGPT*. Definisi yang diberikan mencerminkan fungsi perbuatan dan proses yang terkandung dalam setiap kata kerja tersebut, selaras dengan takrifan dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) DBP. Namun, bagi perkataan menghuraikan, tahap ketepatan adalah sederhana kerana *ChatGPT* lebih menekankan aspek penjelasan makna berbanding unsur proses dan struktur yang turut terkandung dalam takrif kamus. Perbezaan ini menunjukkan wujudnya peralihan makna daripada penggunaan tradisional kepada penggunaan kontemporari. Berdasarkan prinsip Teori Relevans, keadaan ini menunjukkan bahawa *ChatGPT* mentafsir makna kata kerja berdasarkan konteks penggunaan semasa yang lebih dominan dalam wacana akademik dan komunikasi moden. Tafsiran yang diberikan bertujuan memudahkan pemahaman pengguna dengan memfokuskan kepada fungsi utama kata kerja tersebut. Walaupun terdapat sedikit penyimpangan daripada makna leksikal penuh, tafsiran ini masih relevan dan berkesan dari segi kognitif. Oleh itu, dapatan ini memperlihatkan bagaimana prinsip relevans mempengaruhi pemilihan makna dalam pemprosesan bahasa oleh *ChatGPT*.

Jadual 5

Perceived Usefulness (PU) - Persepsi Kebolehgunaan

Soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana	Setuju	Sangat setuju	N	Min	Sisihan Piawai
ChatGPT membantu saya mendapatkan maklumat dengan lebih cepat.	0	0	1	11	18	30	4.57	0.57
ChatGPT membantu dalam menyelesaikan rutin/tugasan harian saya.	0	0	7	5	18	30	4.37	0.89
ChatGPT meningkatkan pemahaman saya tentang topik yang saya tanyakan.	0	0	5	9	16	30	4.37	0.77

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden menunjukkan persepsi yang sangat positif terhadap keupayaan *ChatGPT* dalam membantu mendapatkan maklumat dengan lebih cepat. Seramai 18 orang

responden bersamaan dengan 60% menyatakan bahawa mereka sangat setuju, manakala 11 orang responden iaitu 36.7% setuju dengan pernyataan ini. Hanya seorang responden, iaitu 3.3% memberikan respons sederhana, dan tiada responden yang tidak bersetuju. Nilai min yang tinggi iaitu 4.57 dengan sisihan piawai 0.57 menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi serta variasi jawapan yang rendah. Dapatan ini membuktikan bahawa *ChatGPT* dianggap sebagai alat yang berkesan dalam mempercepatkan proses pencarian maklumat, selaras dengan konsep *Perceived Usefulness* dalam *Technology Acceptance Model* (TAM). Apabila pengguna berpendapat bahawa sesuatu teknologi dapat menjimatkan masa dan meningkatkan kecekapan, kebarangkalian penerimaan teknologi tersebut adalah lebih tinggi. Oleh itu, dapat dilihat bahawa *ChatGPT* memenuhi ciri kebolegunaan yang signifikan dalam konteks pembelajaran dan rujukan maklumat.

Bagi soalan seterusnya, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden turut bersetuju bahawa *ChatGPT* membantu dalam menyelesaikan rutin atau tugas harian. Seramai 18 orang responden iaitu 60% menyatakan sangat setuju, manakala lima orang responden iaitu 16.7% setuju. Namun demikian, terdapat tujuh orang responden iaitu 23.3% yang memberikan respons sederhana. Nilai min bagi item ini ialah 4.37 dengan sisihan piawai 0.89, menunjukkan tahap kebolegunaan yang tinggi tetapi dengan sedikit variasi persepsi dalam kalangan responden. Dari sudut *Technology Acceptance Model* (TAM), variasi ini mungkin dipengaruhi oleh perbezaan tujuan penggunaan *ChatGPT* dalam kalangan responden, sama ada untuk pembelajaran, kerja atau hiburan. Namun begitu, nilai min yang tinggi masih menunjukkan bahawa secara keseluruhan, responden menganggap *ChatGPT* sebagai teknologi yang berguna dalam menyokong tugas harian mereka. Hal ini mengukuhkan lagi peranan *ChatGPT* sebagai alat sokongan produktiviti dalam kehidupan seharian pengguna.

Analisis dapatan ini juga menunjukkan bahawa *ChatGPT* turut dilihat berkesan dalam meningkatkan pemahaman responden terhadap topik yang ditanya. Seramai 16 orang responden, iaitu 53.3% menyatakan sangat setuju, manakala sembilan orang responden iaitu 30% setuju dan lima orang responden, iaitu 16.7% memberikan respons sederhana. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.37 dengan sisihan piawai 0.77, menunjukkan persepsi positif yang konsisten dalam kalangan responden. Dapatan ini selari dengan prinsip *Perceived Usefulness* (PU) Persepsi Kebolegunaan dalam *Technology Acceptance Model* (TAM), iaitu teknologi yang mampu membantu pengguna memahami maklumat dengan lebih baik akan dianggap berguna dan bernilai. Dalam konteks kajian ini, *ChatGPT* bukan sahaja berfungsi sebagai sumber maklumat pantas, malah sebagai alat sokongan pembelajaran yang membantu meningkatkan kefahaman pengguna terhadap sesuatu topik, khususnya dalam bahasa Melayu.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap *Perceived Usefulness* (PU) iaitu Persepsi Kebolegunaan terhadap penggunaan *ChatGPT* adalah tinggi. Nilai min bagi ketiga-tiga item berada melebihi 4.30, menandakan penerimaan positif pengguna terhadap kebolegunaan *ChatGPT*. Menurut kajian terdahulu yang menggunakan *Technology Acceptance Model* (TAM) dalam konteks *e-learning* melaporkan nilai purata tinggi bagi konstruk *Perceived Usefulness* (PU), contohnya 4.15, 4.56, dan 4.82 pada skala Likert 1–5, yang menunjukkan bahawa responden melihat teknologi sebagai sangat berguna dan berpotensi untuk diterima secara meluas (Susilawati et al., 2025). Hal ini selari dengan dapatan kajian ini, di mana nilai min *Perceived Usefulness* (PU) bagi *ChatGPT* adalah >4.30, menunjukkan penerimaan positif pengguna terhadap kebolegunaan teknologi tersebut. Menurut *Technology Acceptance*.

Model (TAM), Persepsi Kebolegunaan yang tinggi merupakan faktor utama yang mempengaruhi sikap dan niat pengguna untuk terus menggunakan sesuatu teknologi. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa *ChatGPT* berpotensi besar untuk diterima sebagai alat sokongan pembelajaran dan penyelesaian tugas dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

Jadual 6

Perceived Ease of Use (PEOU) – Tahap Kepuasan Pengguna

Soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana	Setuju	Sangat setuju	N	Min	Sisihan Piawai
ChatGPT mudah digunakan walaupun tanpa panduan.	0	1	4	11	14	30	4.27	0.83
ChatGPT memenuhi jangkaan saya sebagai alat mencari maklumat.	0	0	8	13	9	30	4.03	0.76
Saya berpuas hati menggunakan ChatGPT dalam bahasa Melayu.	1	1	6	13	9	30	3.93	0.98
Saya berkemungkinan akan menggunakan ChatGPT lagi pada masa akan datang.	0	0	3	10	17	30	4.47	0.68
Saya akan mengesyorkan orang lain untuk menggunakan ChatGPT sebagai rujukan.	0	1	7	8	14	30	4.17	0.91

Berdasarkan Jadual 6, soalan yang mencatatkan nilai min sebanyak 4.27 dengan sisihan piawai 0.83, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden. Majoriti responden memilih skala setuju dan sangat setuju, manakala tiada responden yang memilih sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengguna merasakan *ChatGPT* mempunyai antara muka (*interface*) dan mekanisme interaksi yang mudah difahami walaupun tanpa sebarang panduan khusus. Dari perspektif *Perceived Ease of Use* (PEOU) dalam *Technology Acceptance Model* (TAM), kemudahan penggunaan tanpa memerlukan latihan atau arahan yang kompleks merupakan petunjuk utama bahawa sesuatu sistem diterima dengan baik oleh pengguna. Hal ini membuktikan bahawa *ChatGPT* memenuhi ciri sistem yang mesra pengguna, sekali gus mengurangkan beban kognitif semasa penggunaan teknologi ini.

Soalan seterusnya merekodkan nilai min 4.03 dengan sisihan piawai 0.76, yang juga berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bersetuju bahawa *ChatGPT* mudah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan tanpa kesukaran. Dalam konteks *Perceived Ease of Use* (PEOU), kemudahan untuk mendapatkan maklumat dengan cepat dan jelas tanpa langkah yang rumit meningkatkan persepsi pengguna terhadap kemudahan sistem tersebut. Apabila pengguna tidak menghadapi kesukaran semasa berinteraksi dengan sistem, mereka akan menganggap teknologi tersebut sebagai mudah dan praktikal untuk digunakan dalam kehidupan seharian.

Seterusnya bagi soalan lain pula mencatatkan nilai min 3.93 dengan sisihan piawai 0.98, menunjukkan tahap persetujuan yang sederhana tinggi. Walaupun terdapat sebilangan kecil responden yang tidak bersetuju, majoriti masih memilih setuju dan sangat setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam *ChatGPT* secara umumnya memudahkan pengguna untuk memahami dan berinteraksi dengan sistem. Dari sudut *Perceived Ease of Use* (PEOU), penggunaan bahasa yang dekat dengan latar belakang pengguna dapat mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan kefahaman, sekali gus menjadikan sistem lebih

mudah digunakan. Walau bagaimanapun, sisihan piawai yang sedikit tinggi menunjukkan wujud perbezaan pengalaman pengguna, berkemungkinan disebabkan oleh variasi kualiti jawapan atau gaya bahasa yang digunakan oleh *ChatGPT*.

Dapatan ini juga menunjukkan nilai min tertinggi, iaitu 4.47 dengan sisihan piawai 0.68, menandakan tahap persetujuan yang sangat tinggi dalam kalangan responden. Hampir semua responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka akan terus menggunakan *ChatGPT* pada masa hadapan. Dari sudut *Perceived Ease of Use* (PEOU), dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman penggunaan yang mudah dan tidak membebankan, mendorong pengguna untuk terus menggunakan sistem tersebut. Apabila sesuatu teknologi mudah untuk digunakan, pengguna cenderung untuk mengulangi penggunaan teknologi tersebut tanpa rasa ragu atau tertekan, sekali gus meningkatkan penerimaan teknologi secara berterusan.

Bagi soalan terakhir, nilai min yang direkodkan ialah 4.17 dengan sisihan piawai 0.91, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka sanggup mengesyorkan *ChatGPT* kepada orang lain. Dalam konteks *Perceived Ease of Use* (PEOU), kesediaan pengguna untuk mencadangkan sesuatu sistem kepada orang lain menunjukkan bahawa mereka benar-benar merasakan sistem tersebut mudah digunakan dan sesuai untuk pelbagai peringkat pengguna. Hal ini selari dengan *Technology Acceptance Model* (TAM) yang menyatakan bahawa persepsi kemudahan penggunaan bukan sahaja mempengaruhi penerimaan individu, malah turut mempengaruhi penyebaran penggunaan teknologi dalam kalangan masyarakat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian bagi Bahagian D menunjukkan bahawa *Perceived Ease of Use* (PEOU) *ChatGPT* berada pada tahap yang tinggi. Pengguna merasakan *ChatGPT* mudah digunakan, tidak memerlukan panduan khusus, mudah difahami dalam bahasa Melayu serta memberikan pengalaman penggunaan yang positif. Dapatan ini selari dengan hasil kajian oleh Silva et al. (2023) dalam konteks perkhidmatan *chatbot*, di mana pengguna melaporkan skor purata positif untuk konstruk *Perceived Ease of Use* (PEOU), termasuk item seperti “*I find chatbots easy to use*” (min = 3.78, sisihan piawai = 0.95) dan “*Interacting with chatbots does not require a lot of effort*” (min = 3.57, sisihan piawai = 1.05). Walaupun kajian tersebut menggunakan skala 7 mata Likert, nilai min yang berada di atas tahap sederhana menunjukkan bahawa pengguna secara umum merasakan *chatbot* mudah digunakan, menyokong dapatan kajian semasa bahawa kefahaman, keselesaan dan konsistensi jawapan menyumbang kepada penilaian positif terhadap kemudahan penggunaan *ChatGPT*. Selaras dengan Teori *Technology Acceptance Model* (TAM), tahap *Perceived Ease of Use* (PEOU) yang tinggi ini menyokong penerimaan dan penggunaan *ChatGPT* yang berterusan dalam kalangan responden kajian.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu menilai ketepatan makna bahasa Melayu yang dihasilkan oleh *ChatGPT* dari sudut semantik serta meneliti persepsi pengguna terhadap penggunaannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *ChatGPT* mempunyai keupayaan yang baik dalam mentafsir makna perkataan bahasa Melayu, khususnya bagi perkataan abstrak dan dialek, namun masih terdapat kekangan dari segi ketepatan semantik bagi sesetengah kategori perkataan. Walau demikian, persepsi pengguna yang positif terhadap kemudahan penggunaan menunjukkan bahawa *ChatGPT* diterima sebagai alat sokongan bahasa yang praktikal dan mudah digunakan. Oleh itu, kajian ini menyimpulkan bahawa *ChatGPT* berpotensi untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran dan rujukan bahasa Melayu, dengan syarat pengguna menggunakan teknologi ini secara berhemah dan kritis. Kajian ini diharapkan dapat menjadi sumbangan awal kepada kajian bahasa dan teknologi, khususnya dalam konteks penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam bahasa Melayu.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan tulus turut ditujukan kepada pihak editorial serta panel penilai RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya atas komitmen, teguran membina, cadangan, dan pandangan ilmiah yang signifikan sepanjang proses penambahbaikan dan pemurnian makalah ini. Segala sokongan yang diberikan amat bermakna dan menjadi pemangkin kepada penghasilan serta kelestarian wacana akademik yang berkualiti tinggi.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENULIS

Raja Nur Ain Afiza Binti Raja Mahadi: Bertanggungjawab merangka reka bentuk kajian, menulis bahagian pengenalan, sorotan literatur, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan selain menyelaraskan keseluruhan struktur penulisan artikel.

Nurul Jamilah Rosly: Beliau merupakan penyelia kajian ini, melakukan semakan kritikal kandungan kajian serta pengesahan versi akhir manuskrip.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Hj. Yaakub, M. B. (2024). The importance of semantics equivalence in translating Islamic terms into the Malay language. *IIUM Journal of Educational Studies*, 12(2), 119–134. <https://doi.org/10.31436/ijes.v12i2.553>
- Jumadi, D., Mesman, N. S., Rashidi, N. H., & Ganing, P. (2024). Potensi dan cabaran kecerdasan buatan (AI) dalam bidang Bahasa Melayu. *PENDETA*, 15(2), 108–118. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.8.2024>
- Liang, W., Zhang, Y., Codreanu, M., Wang, J., Cao, H., & Zou, J. (2025). The widespread adoption of large language model-assisted writing across society. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2502.09747>
- Maxwell-Smith, Z., Kohler, M., & Suominen, H. (2022). *Scoping natural language processing in Indonesian*

- and Malay for education applications. In Proceedings of the 60th Annual Meeting of the Association for Computational Linguistics: Student Research Workshop (pp. 171–228). Association for Computational Linguistics.
- Nomoto, H., Moeljadi, D., & Abdul Razak, F. A. (2024). Masalah teknologi dan isu sosial berkaitan penggunaan ChatGPT dalam bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 1–23. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.1>
- Rahim, E. M. A., Rahim, M. E. A., Razawi, N. A., & Mohamed, N. A. (2023). Students' perception on the use of ChatGPT as a language learning tool. *Idealogy Journal*, 8(2), 70–78. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i2.456>
- Silva, F. A., Shojaei, A. S., & Barbosa, B. (2023). Chatbot-based services: A study on customers' reuse intention. *Journal of Theoretical and Applied Electronic Commerce Research*, 18(1), 457–474. <https://doi.org/10.3390/jtaer18010024>
- Subet, M. F., & Md Nasir, M. R. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227–253.
- Susilawati et al. (2025). Analysis of the Technology Acceptance Model (TAM) in the implementation of the curriculum review course: A study on students' understanding and acceptance of technology at Universitas Islam Sumatera Utara. *International Journal on e-Learning and Higher Education*, 20(2). <https://doi.org/10.24191/ijeihe.v20n2.2022>
- Tuan Zakaria, T. N., Ab Aziz, M. J., Mokhtar, M. R., & Darus, S. (2020). Semantic similarity measurement for Malay words using WordNet Bahasa and Wikipedia Bahasa Melayu: Issues and proposed solutions. *International Journal of Software Engineering & Computer Systems*, 6(1), 25–40. <https://doi.org/10.15282/ijsecs.6.1.2020.4.0067>
- Yaqin, L. N., Yusof, B., Yusof, N., & Damit, A. R. (2025). Students' perception of using ChatGPT as an AI-integrated tool in the Malay Language. *Jurnal Penelitian dan Pengkajian Ilmu Pendidikan: E-Saintika*, 9(1), 13–31. <https://doi.org/10.36312/e-saintika.v9i1.2584>